

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN
HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 27.11.2014

SOALAN :

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah tempat yang ditawarkan kepada pelajar untuk mengikuti jurusan perubatan (Ijazah Pertama) ke IPTA bagi pengambilan tahun ini berbanding jumlah pelajar yang memohon ; dan
- (b) apakah kriteria-kriteria pemilihan serta alternatif bagi pelajar yang tidak mendapat tempat dalam jurusan perubatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi Sesi Akademik 2014/2015, bilangan calon lepasan STPM/Matrikulasi/Asasi yang memohon program pengajian perubatan adalah seramai 2,649 orang dan seramai 518 orang ditawarkan tempat di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).
- (b) Bilangan tempat yang ditawarkan oleh IPTA adalah ditentukan oleh Senat IPTA masing-masing, setelah mengambil kira nisbah pensyarah dan pelajar, kemudahan pengajaran dan pembelajaran (P&P), kemudahan tempat latihan/praktikal, serta peruntukan yang

sedia ada di IPTA. Pengambilan pelajar bagi program pengajian perubatan bukan sahaja berasaskan pencapaian akademik calon yang cemerlang, tetapi aspek kualiti calon yang memohon juga turut diberi keutamaan. Dengan bilangan calon yang memperoleh keputusan cemerlang meningkat saban tahun, maka persaingan bagi mendapatkan tempat di IPTA terutamanya dalam program pengajian kompetitif seperti perubatan adalah sangat sengit. Justeru, pencapaian akademik yang cemerlang sahaja tidak mencukupi untuk menjamin calon ditawarkan ke program pengajian kompetitif.

Proses temu duga turut dilaksanakan di IPTA bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan kompetensi tertentu dan bagi memastikan mereka mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kehendak dan keperluan program pengajian berkaitan.

Sesetengah program pengajian bertemu duga mendapati pemohon gagal memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk mengikuti program pengajian berkaitan. Sekiranya pemohon gagal dalam temu duga berkenaan, mereka akan dipertimbangkan untuk ditawarkan program pengajian lain dalam pilihan mereka atau sekiranya mereka bersetuju untuk menerima tawaran selain daripada program pengajian yang dipohon, Kementerian Pendidikan Malaysia akan cuba memastikan pemohon ditawarkan program pengajian yang bersesuaian berdasarkan kelayakan dan kekosongan tempat di IPTA.

Peratus jaya (*success rate*) bergantung kepada bilangan pemohon yang layak mengikut program pengajian dan trend pilihan program calon. *Trend* pemilihan calon tidak dapat dikawal oleh sistem atau pihak IPTA, kerana kuasa memilih program pengajian dan IPTA adalah terletak di tangan pemohon sendiri.

RJM168

NO. SOALAN: 16

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK
MOHAMAD [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan selaras dengan pelaksanaan indeks syariah yang akan digunakan menjelang tahun 2015, minta Kerajaan jelaskan sejauh mana kajian yang telah di buat (sekiranya ada) terhadap undang-undang jenayah sekarang berpandu kepada indeks syariah yang akan dilaksanakan nanti.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, kajian terhadap undang-undang jenayah berpandu kepada indeks syariah secara spesifiknya belum dilaksanakan. Dimana Indeks Syariah masih dalam peringkat kajian dan pembinaan

untuk mengenal pasti kriteria, syarat, kualiti dan lain-lain yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Teknikal Syarak dan Sivill yang ditubuhkan sejak tahun 1988 dan diurusetiaikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), sentiasa membuat kajian dari semasa ke semasa bagi tujuan penyeragaman dan pemerkasaan undang-undang syariah termasuklah undang-undang jenayah syariah.

Sekian, terima kasih.